

Sinar Harian 17/5/2019 m/s 20

Empat pengebom ikan ditahan

KUALA TERENGGANU

- Empat lelaki ditahan dalam beberapa serbuan berasingan di Besut kelmarin, susulan kes mengebom ikan di kawasan Taman Laut Pulau Perhentian, pada Isnin lalu.

Pengarah Perikanan Terengganu, Zawawi Ali berkata, tangkapan itu dilakukan bersama oleh pegawai penyiasat Jabatan Perikanan dan polis dan mereka masih memburu dua lagi suspek kes berkenaan.

Menurutnya, empat lelaki yang ditahan itu berusia antara 18 hingga 56 tahun dan bekerja sebagai penjual serta pembekal ikan.

"Tangkapan pertama yang dibuat melibatkan dua orang di sebuah gerai ikan di Kampung Lampu, Besut kira-kira jam 11 pagi manakala tangkapan kedua melibatkan seorang lelaki di sebuah rumah di Air Tawar, Besut pada jam 2 petang.

"Seorang lagi lelaki menyerah diri di Pejabat Taman Laut Besut kira-kira jam 12 tengah hari semalam (kelmarin)," katanya.



Antara ikan yang mati kerana dibom.

Berdasarkan siasatan yang dijalankan, tiga lelaki itu menjadi saksi dan seorang lagi disyaki melakukan kesalahan berkenaan.

Jelas Zawawi, pihaknya memandang serius aktiviti mengebom ikan, apatah lagi ia merupakan pertama kali berlaku di perairan negeri ini terutama melibatkan taman laut.

Aktiviti itu merupakan kesalahan mengikut Akta Perikanan 1985, iaitu di bawah Seksyen 26(1)(a) dan Seksyen 43(1)(a) kerana menangkap ikan atau cuba

menangkap ikan dan jika sabit kesalahan, mereka boleh dikenakan denda tidak melebihi RM20,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

Mengulas lanjut mengenai kejadian itu, Zawawi berkata, kejadian itu berlaku kurang 100 meter daripada pantai dan berhampiran kawasan menyelam.

Malah, kesan daripada letupan itu, hampir 500 ekor ikan mati akibat tekanan dalam radius kurang dua kilometer.